HELAIAN TUGASAN
(Assignment Sheet)

NAMA MODUL	**PEMBANGUNAN JIWA INSAN (PUJI)**		
TAJUK	**MANDI WAJIB**		
OBJEKTIF PRESTASI TERMINAL	Mengetahui dan beramal dengan pemahaman serta pengamalan yang betul tentang mandi wajib. Ia turut diamalkan secara konsisten dalam kehidupan seharian.		
NAMA		**NO. K/P**	

TUJUAN :

Kertas tugasan ini adalah untuk pelatih ;

1. Menguji tahap kefahaman dan pengetahuan pelatih tentang mandi wajib.
2. Menguji kefahaman dan pengetahuan pelatih tentang ciri dan kepentingan memahami tentang mandi wajib.

ARAHAN :

1. Anda dikehendaki menjawab semua soalan yang terkandung dalam Helaian Tugasan ini.
2. Baca dengan teliti sebelum menjawab semua soalan berikut.

1. Yusuf perlu meratakan air ke seluruh anggota badan dan disertai niat menghilangkan hadas besar bagi membolehkannya melakukan ibadah. Apakah maksud pernyataan di atas ?

   A. Mandi seperti seharian biasa
   B. Mandi Wajib
   C. Berwuduk
   D. Memakai pakaian yang bersih dan wangi

LIVEWORKSHEETS

2. Berapakah rukun mandi wajib atau janabah ?

A. 1
B. 2
C. 3
D. 4

3. Apakah hukum menyampaikan air pada anggota yang sukar dicapai oleh air seperti bahagian pelipat-pelipat, bahagian sulit hadapan dan belakang?

A. Sunat
B. Harus
C. Wajib
D. Makruh

4. Antara berikut yang manakah BUKAN penyebab mandi wajib ?

A. Mati syahid
B. Nifas
C. Bersetubuh
D. Keluar mani

5. Bilakah niat mandi wajib atau janabah perlu diniatkan di dalam hati ?

A. Sebelum mandi
B. Selesai mandi
C. Ketika mula-mula air mengenai mana- mana anggota badan
D. Ketika berwudhuk

GIATMARA
LIVEWORKSHEETS

6. Suhaimi bermimpi melakukan persetubuhan ketika tidur namun bila tersedar dia mendapati di pakaiannya tiada kesan air mani. Apakah yang perlu dilakukan olehnya ?

   A. Mengambil wudhuk
   B. Mandi wajib
   C. Mandi seperti biasa sahaja
   D. Bertayammum

7. Nurul Huda baru sahaja melahirkan seorang anak hasil perkongsian hidup dengan suaminya. Setelah habis berpantang apa yang perlu dilakukan olehnya untuk melakukan ibadah seperti bersolat ?

   A. Mengambil wudhuk
   B. Mandi wajib
   C. Mandi seperti biasa sahaja
   D. Bertayammum

LIVEWORKSHEETS